

Headline	Bukit Gasing jadi Bukit Kerinchi mulai tahun depan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Mar 2012	Color	Black/white
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	n1	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	165 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,883
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,649



# Bukit Gasing jadi Bukit Kerinchi mulai tahun depan

**K**UALA LUMPUR: Nama Bukit Gasing di sini, akan ditukar kepada Bukit Kerinchi bagi membezakan kedudukannya dengan Bukit Gasing di Selangor, manakala kawasan hutan seluas 52 hektar di sekitarnya bakal diwartakan sebagai hutan simpan, mulai tahun depan.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWP-KB), Datuk Raja Nong Chik Zainal Abidin, berkata pertukaran itu dibuat bagi mengenang perjuangan penduduk di Bukit Kerinchi, selain membuktikan kerajaan komited untuk mempertahankan kawasan hijau di pinggir bandar raya.

"Kita memiliki kawasan hijau lebih luas iaitu 52 hektar berbanding hanya 36 hektar di sebelah Selangor yang dipenuhi dengan kondominium.

"Oleh itu, nama bukit ini perlu ditukar kepada Bukit Kerinchi kerana ia berbeza kawasan pentadbirannya. Kementerian sudah meminta pandangan pegawai undang-undang mengenai perkara ini dan

ia boleh dilakukan mengikut prosedur ditetapkan.

"Kerajaan tidak mempunyai niat membangunkan kawasan diwartakan ini tetapi kita tidak boleh menghalang

sektor swasta yang memiliki tanah di kawasan ini membangunkannya.

"Kalau kita hentikan, kerajaan perlu membayar pampasan kepada pemilik sebanyak RM150 juta dan ini adalah jumlah yang besar sekali gus merugikan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Alam Flora Echo-Edu Leadership Camp-Green Lung Legacy 2012 di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengerah Pembangunan Sosio-Ekonomi DBKL, Datuk Mohd Amin Nordin Abdul Aziz dan Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn Bhd, Mohd Zain Hassan.

Program disertai 50 anak kakitangan Alam Flora itu bermatlamat menggalakkan golongan muda menikmati kehijauan di pinggir ban-

dar raya dengan pelbagai aktiviti termasuk menanam 100 pokok spesies jarang ditemui iaitu Meranti Tembaga yang ditanam di sekeliling kawasan Bukit Gasing.

Aktiviti yang dianjurkan Alam Flora buat kali pertama bagi tahun ini akan dijadikan program berterusan untuk mendidik golongan muda tanpa mengira bangsa supaya lebih mencintai alam sekitar menerusi lawatan ke hutan simpan di pinggir bandar seperti FRIM dan luar bandar di Hutan Belum.

"Program ini selaras dengan program Greener KL dengan kos RM190 juta bagi meningkatkan kawasan hijau di tengah bandar raya daripada 12 meter persegi kepada 16 meter persegi.

"Bagi menambah kehijauan di Bukit Kerinchi, kerajaan sudah mewujudkan Taman Rekreasi Bukit Kerinchi yang memiliki aliran air jernih bermutu tinggi dan dijangka siap dalam tempoh dua hingga tiga bulan lagi," katanya.